

PENGURUSAN ALAT BANTU MENGAJAR DALAM
MENINGKATKAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH

MANAGEMENT OF TEACHING AIDS IN IMPROVING PRESCHOOL
TEACHERS' TEACHING PRACTICES

*Muhammad Faizal A. Ghani¹
Ahmad Baihaqi Mohammad Ali¹
Wan Mohamad Syarif Wan Marzuki¹
Muhammad Irsyad Mohd. Suhaimi¹
Muhammad Irsyad Mohd. Suhaimi
Amalina Ayub²
Mohd Azli Mohd Ramli³
Faisol Elham⁴

[1] Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

[2] Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, Kuala Lumpur

[3] Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rokan, Gemencheh, Negeri Sembilan

[4] Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

*mdfaizal@um.edu.my

Article History

Received: 10/06/2026

Accepted: 20/08/2026

Published online: 28/09/2026

Abstract: There are still preschool teachers who face challenges in systematically managing Teaching Aids (BBM), particularly in aspects related to the planning, implementation, organization, and control of teaching materials during the teaching and learning (PdP) process. This situation sometimes leads to BBM being underutilized as a pedagogical tool to enhance students' active engagement and learning experiences. Therefore, this study was conducted to explore the management of BBM in improving preschool teachers' teaching practices. For data collection, this study utilized a qualitative approach through a semi-structured interview design. Purposive sampling was used, involving three preschool teachers who possess qualifications in Early Childhood Education and have more than one year of experience in managing BBM. The research instrument consisted of a semi-structured interview protocol developed based on recommendations by John W. Creswell (2014). The interview data were analyzed using thematic analysis by Virginia Braun and Victoria Clarke (2006). The findings showed that the management of BBM by preschool teachers involves four main themes: planning the use of BBM, implementing the use of BBM, teacher leadership in managing BBM, and controlling the use of BBM. The findings also indicated that teachers manage BBM systematically by considering learning objectives, children's developmental levels, material safety, the use of manipulative and digital materials, teacher guidance, and continuous monitoring of BBM usage. The implications of the study demonstrate that systematic BBM management is capable of improving the effectiveness of the teaching and learning process as well as students' active engagement in preschool education.

Keywords: Teaching aids, teaching aid management, preschool teachers, early childhood education, preschool teaching.

PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan bidang asas yang utama dalam membangunkan jasmani, emosi, rohani, sosial dan psikomotor murid sebelum mereka melangkah masuk ke dunia pendidikan formal. Pada peringkat ini, guru perlu melaksanakan pengajaran yang kreatif bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan serta bersesuaian dengan tahap perkembangan murid.

[1]

Antara usaha untuk mencapai hasrat tersebut adalah penggunaan alat bantu mengajar (ABM) yang merupakan mekanisme utama membantu guru menyampaikan kandungan pengajaran dengan efektif dan efisien. Kenyataan tersebut selari dengan pandangan Piaget (1964) bahawa pembelajaran bermakna kanak-kanak berupaya dicapai melalui pengalaman konkrit serta aktiviti berbentuk penerokaan. Vygotsky (1978) turut berpendapat sedemikian bahawa pembelajaran kanak-kanak berupaya dilaksanakan secara aktif melalui interaksi sosial dan penggunaan bahan pembelajaran yang sesuai. Bredekamp dan Copple (1997) menjelaskan lanjut bahawa penggunaan bahan pembelajaran yang menarik berupaya meningkatkan penglibatan aktif kanak-kanak di dalam bilik darjah.

Namun, terdapat guru prasekolah yang menghadapi isu dalam menguruskan alat bantu mengajar secara efektif dan efisien. Sebagai contoh, terdapat guru yang kurang mahir untuk menyusun bahan pengajaran dengan baik, mengambil masa yang lama untuk menyediakan ABM dan kurang memanfaatkan bahan tersebut secara optimum ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Implikasinya, pengajaran guru menjadi kurang menarik dan kurang bermakna terhadap murid. Isu ini selari dengan kajian Noorazman Abd Samad et al. (2019) yang mendapati masih terdapat guru yang menghadapi masalah kekurangan kemudahan, ruang dan ABM sehingga penggunaan ABM hanya tertumpu kepada topik tertentu sahaja. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa faktor kekurangan ABM dan masalah teknikal menjadi penghalang kepada pelaksanaan pengajaran yang lebih cekap dan berkesan. Dalam konteks institusi pendidikan prasekolah, kajian Rosnani Mahmud dan Suhaili Mahmud (2020) berkaitan penggunaan ABM dalam pengajaran dalam kalangan 20 orang guru prasekolah di Perak menemui guru menggunakan pelbagai jenis ABM bagi membantu meningkatkan perkembangan kognitif murid. Selanjutnya, kajian mereka menegaskan keperluan panduan pengurusan dalam menggunakan ABM bagi membantu guru melaksanakan pengajaran secara lebih cekap dan berkesan.

Selain itu, guru prasekolah juga sering berhadapan dengan cabaran dari aspek kekangan masa, kewangan dan kemudahan untuk menyediakan ABM yang bersesuaian dengan tahap kecekapan murid. Implikasinya, terdapat guru yang perlu menyediakan ABM menggunakan kos sendiri kerana kekurangan bahan yang disediakan oleh pihak sekolah. Penemuan kajian Noraini Idris (2015) menyokong isu tersebut dengan melaporkan kekurangan sumber dan kemudahan adalah antara cabaran utama guru dalam melaksanakan pengajaran yang kreatif dan efektif. Begitu juga dengan kajian Ab Halim Tamuri (2012) turut menemui kekangan bahan pengajaran dan kemudahan bilik darjah boleh menjejaskan keberkesanan aktiviti pembelajaran murid. Malah, Morrison (2014) menyatakan pengurusan ABM yang tidak sistematik boleh mengganggu kelancaran proses pengajaran serta mengurangkan peluang murid untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.

Malah, sebahagian guru kurang mendapat latihan berkaitan pengurusan ABM secara efektif. Situasi ini menyebabkan guru lebih cenderung menggunakan ABM yang sama secara berulang tanpa melakukan pengubahsuaian berdasarkan tahap perkembangan murid. Implikasinya, minat murid terhadap pembelajaran merosot. Penemuan kajian Noriati A. Rashid (2017) menyokong isu tersebut dengan melaporkan kreativiti guru dalam mengurus ABM sangat penting bagi memastikan pembelajaran murid menjadi lebih aktif dan menyeronokkan. Pandangan Gardner (1993) melalui Teori Kecerdasan Pelbagai menegaskan hal tersebut kerana murid mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza dan mereka memerlukan pendekatan pengajaran serta ABM yang pelbagai.

Walaupun telah banyak kajian berkaitan penggunaan ABM telah dijalankan, kebanyakan kajian terdahulu lebih berfokus kepada keberkesanan penggunaan ABM terhadap pencapaian murid dan kurang meneliti aspek pengurusan ABM dalam kalangan guru prasekolah. Selain itu, kajian berkaitan cabaran sebenar yang dihadapi guru dalam menguruskan ABM melalui pendekatan temu bual juga masih terhad. Misalnya, kajian Morrison (2014) dan Slavin (2018) lebih menekankan kesan penggunaan ABM terhadap murid berbanding pengalaman guru dalam mengurus bahan tersebut. Dengan kata lain, masih terdapat jurang kajian berkaitan pengurusan ABM dan cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam konteks sebenar institusi pendidikan awal kanak-kanak.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengurusan alat bantu mengajar dalam meningkatkan pengajaran guru prasekolah serta mengkaji cabaran pengurusan ABM berdasarkan temu bual terhadap guru prasekolah. Kajian ini penting kerana berupaya memberikan pemahaman yang lebih jelas berkaitan amalan pengurusan ABM dalam pendidikan awal kanak-kanak. Dapatan kajian juga berupaya dijadikan panduan kepada guru dan pihak pengurusan institusi pendidikan dalam menambah baik penyediaan ABM, latihan dan sokongan terhadap pelaksanaan pengajaran.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti pengurusan Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam meningkatkan pengajaran guru prasekolah.

KAJIAN LAMPAU

Bahagian ini membincangkan aspek berikut.

Pengurusan

Pengurusan merupakan *mechanism* asas yang berupaya menentukan keberkesanan sesebuah organisasi dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Robbins dan Coulter (2018) menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan keupayaan sesebuah organisasi untuk berfungsi secara efektif, efisien dan produktif amat bergantung kepada keberkesanan proses pengurusan yang diamalkan. Oleh itu, pengurusan sering dianggap sebagai mekanisme utama yang menyelaras sumber manusia, kewangan, teknologi dan masa bagi memastikan organisasi mampu mencapai objektif secara efektif dan efisien.

Fayol (1949) pula berpendapat bahawa pengurusan merujuk kepada suatu proses yang melibatkan aktiviti perancangan, pengorganisasian, pengarahan, penyelarasan dan pengawalan bagi memastikan setiap aktiviti organisasi dapat dilaksanakan secara sistematik. Kenyataan tersebut menggambarkan pengurusan mempunyai perkaitan langsung dengan keupayaan sesebuah organisasi menyusun struktur kerja dan mengawal penggunaan sumber organisasi secara efektif dan efisien. Tambah beliau lagi setiap organisasi memerlukan sistem pengurusan yang tersusun bagi menjamin kestabilan dan keberkesanan operasi organisasi tersebut.

Selanjutnya, Follett (1924) mentakrifkan pengurusan sebagai *the art of getting things done through people*. Definisi tersebut menjelaskan bahawa pengurusan melibatkan keupayaan seseorang pengurus mempengaruhi dan menyelaras individu lain untuk melaksanakan tugas secara bersama demi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Pandangan ini membuktikan bahawa hubungan interpersonal, kolaboratif dan komunikasi merupakan aspek penting dalam proses pengurusan kerana keefektifan dan keefisienan sesebuah organisasi banyak dipengaruhi oleh kualiti interaksi dalam kalangan ahli organisasi.

Pandangan Follett (1924) disokong oleh Robbins dan Coulter (2018) yang menjelaskan bahawa pengurusan ialah proses menyelaras dan mengawasi aktiviti kerja individu supaya tugas mereka dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien. Menurut mereka lagi, pengurusan bukan sekadar melibatkan pengagihan tugas, tetapi turut merangkumi proses membuat keputusan, penyelesaian masalah dan pengoptimuman penggunaan sumber sesebuah organisasi. Situasi ini menunjukkan bahawa pengurusan mempunyai peranan yang signifikan dalam meningkatkan produktiviti dan prestasi sesebuah organisasi.

Dari perspektif pengurusan moden pula, Drucker (1974) menyatakan bahawa pengurusan merupakan satu proses berfokus kepada pencapaian matlamat sesebuah organisasi melalui penggunaan sumber secara efektif dan efisien serta strategik. Tegas beliau lagi sesebuah organisasi yang memiliki sistem pengurusan yang berkualiti berupaya menghadapi perubahan persekitaran, meningkatkan inovasi dan mengekalkan daya saing organisasi mereka. Dengan kata lain, pengurusan bukan sahaja tertumpu kepada pelaksanaan tugas rutin, tetapi turut melibatkan pembangunan organisasi secara berterusan.

Kesimpulannya, pengurusan dapat difahami sebagai satu proses sistematik yang melibatkan aktiviti merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sumber organisasi bagi mencapai matlamat secara efektif dan efisien.

Alat Bantu Mengajar

Definisi Alat Bantu Mengajar (ABM) perlu difahami secara menyeluruh kerana konsep tersebut bukan sekadar merujuk kepada penggunaan bahan sokongan dalam bilik darjah, tetapi melibatkan dimensi pedagogi, komunikasi pendidikan dan pembelajaran murid secara serentak. Kefahaman yang terlalu sempit terhadap ABM sering menyebabkan penggunaannya terhad kepada pelengkap pengajaran guru, hakikatnya, ABM merupakan instrumen pedagogi yang mempengaruhi keberkesanan penyampaian ilmu, pembentukan pengalaman pembelajaran dan

pembangunan pemikiran murid. Justeru, definisi ABM perlu dianalisis secara kritikal berdasarkan pelbagai perspektif teori dan kajian pendidikan agar penggunaannya tidak bersifat mekanikal semata-mata.

Daripada perspektif pedagogi, ABM ditakrifkan sebagai medium yang membantu guru merancang, menyusun dan melaksanakan proses pengajaran secara lebih sistematik dan berkesan. Pandangan Heinich et al. (2002) menyokong kenyataan di atas dengan menjelaskan ABM berfungsi sebagai medium komunikasi yang menyampaikan mesej pengajaran daripada guru kepada murid. Dengan kata lain, ABM bukan sekadar bahan fizikal, tetapi merupakan sebahagian daripada strategi pedagogi yang membantu guru mencapai objektif pembelajaran secara lebih efektif dan efisien. Dalam konteks ini, keberkesanan pengajaran tidak hanya bergantung kepada penguasaan guru terhadap kandungan mata pelajaran, tetapi turut dipengaruhi oleh kemampuan guru memilih dan mengintegrasikan ABM yang sesuai dengan tahap keupayaan murid dan keperluan pembelajaran.

Pandangan tersebut selari dengan teori konstruktivisme oleh Piaget (1970) dan Vygotsky (1978) yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku apabila murid membina pengetahuan melalui interaksi aktif dengan persekitaran pembelajaran mereka. Berdasarkan perspektif ini, ABM berfungsi sebagai alat yang membantu murid mengintegrasikan pengalaman sedia ada dengan pengetahuan baharu secara aktif dan reflektif. Justeru, penggunaan bahan seperti simulasi, eksperimen, model tiga dimensi dan multimedia interaktif dapat meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran. Bruner (1966) turut menegaskan bahawa pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila murid mengalami sendiri proses penerokaan ilmu berbanding hanya menerima maklumat secara pasif daripada guru. Kenyataan ini menggambarkan bahawa definisi ABM seharusnya dilihat dalam konteks bagaimana bahan tersebut menyokong pembinaan makna dan perkembangan kognitif murid.

Namun, perbincangan berkaitan ABM daripada perspektif pedagogi perlu dianalisis secara kritikal kerana terdapat kecenderungan sebahagian guru menggunakan ABM secara ritualistik tanpa memahami fungsi pedagoginya. Penggunaan slaid, video atau teknologi digital secara berlebihan misalnya tidak semestinya meningkatkan keberkesanan pembelajaran jika bahan tersebut tidak disepadukan dengan strategi pengajaran yang sesuai. Mishra dan Koehler (2006) melalui kerangka *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) menegaskan bahawa keberkesanan penggunaan teknologi pendidikan bergantung kepada integrasi antara pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi. Kenyataan ini bermaksud penggunaan ABM yang berkesan memerlukan kefahaman pedagogi yang mendalam dan bukannya sekadar penguasaan kemahiran teknikal. Oleh itu, tafsiran terhadap ABM sebagai “alat tambahan” semata-mata merupakan pandangan yang terlalu simplistik dan tidak menggambarkan fungsi sebenar ABM dalam pendidikan moden.

Daripada perspektif komunikasi pendidikan pula, ABM ditafsirkan sebagai medium komunikasi yang membantu proses penyampaian maklumat antara guru dan murid secara lebih jelas dan efektif. Perspektif ini berasaskan teori komunikasi yang menekankan kepentingan medium dalam memastikan mesej dapat difahami dengan tepat oleh penerima. Shannon dan Weaver (1949) menjelaskan lebih lanjut mengenai hal ini bahawa keberkesanan komunikasi bergantung kepada kemampuan medium mengurangkan gangguan (*noise*) dalam penyampaian maklumat. Justeru, tambah mereka bahawa dalam konteks pendidikan, ABM membantu mengurangkan kekaburan maklumat dengan menukarkan konsep abstrak kepada bentuk visual, audio atau pengalaman konkrit yang lebih mudah difahami murid.

Edgar Dale (1969) menyokong pandangan tersebut melalui *Cone of Experience* yang menegaskan bahawa murid lebih mudah memahami sesuatu konsep apabila pembelajaran melibatkan pengalaman langsung dan penggunaan pelbagai deria. Justeru, penggunaan grafik, carta, video, animasi dan simulasi digital dapat membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap konsep yang kompleks. Kajian Mayer (2009) telah menemui bahawa gabungan elemen verbal dan visual dalam multimedia dapat meningkatkan pemprosesan maklumat kerana murid menerima maklumat melalui lebih daripada satu saluran kognitif. Kenyataan ini menggambarkan ABM memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi pendidikan yang membantu meningkatkan keberkesanan penyampaian pengajaran guru.

Namun, perkembangan teknologi pendidikan turut menimbulkan beberapa isu kritikal berkaitan penggunaan ABM. Terdapat kecenderungan mengaitkan keberkesanan pengajaran dengan tahap kecanggihan teknologi yang digunakan, sedangkan penggunaan teknologi secara berlebihan boleh menjejaskan fokus pembelajaran murid. Pandangan Mayer (2009) selari dengan kenyataan di atas bahawa multimedia yang terlalu kompleks boleh

meningkatkan *extraneous cognitive load* sehingga mengganggu proses pemahaman murid. Sweller (1988) melalui *Cognitive Load Theory* turut menjelaskan bahawa memori kerja murid mempunyai kapasiti pemprosesan yang terhad. Oleh itu, tambah beliau penggunaan ABM yang terlalu sarat dengan animasi, warna dan maklumat boleh menyebabkan murid mengalami kekeliruan dan kesukaran memproses kandungan pembelajaran secara efektif. Situasi ini menunjukkan bahawa keberkesanan komunikasi pendidikan tidak bergantung kepada kecanggihan ABM semata-mata, tetapi bergantung kepada sejauh mana ABM tersebut membantu penyampaian maklumat secara jelas dan bermakna.

Selanjutnya, daripada perspektif pembelajaran murid, ABM ditakrifkan sebagai bahan atau sumber yang membantu murid memperoleh pengalaman pembelajaran yang lebih aktif, konkrit dan bermakna. Perspektif ini menekankan bahawa pembelajaran yang efektif berlaku apabila murid terlibat secara aktif dalam proses pembangunan pengetahuan mereka. Dewey (1938) menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan pembelajaran yang berasaskan pengalaman membolehkan murid memahami perkaitan antara teori dan situasi sebenar. Oleh itu, ABM berfungsi membantu murid meneroka idea, menyelesaikan masalah dan mengembangkan kemahiran berfikir aras tinggi melalui pengalaman pembelajaran yang autentik.

Selain itu, penggunaan ABM turut dikaitkan dengan peningkatan motivasi dan minat murid terhadap pembelajaran. Keller (1987) melalui model ARCS (*Attention, Relevance, Confidence, Satisfaction*) menjelaskan bahawa ABM yang menarik dan relevan dapat meningkatkan perhatian serta motivasi murid untuk belajar. Dalam konteks ini, ABM yang bersifat interaktif dan kontekstual mampu menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan bermakna. Namun, motivasi yang terhasil daripada penggunaan ABM perlu dianalisis secara kritikal kerana terdapat kemungkinan murid hanya tertarik kepada elemen hiburan tanpa memahami kandungan pembelajaran. Dengan kata lain, keberkesanan ABM perlu dinilai berdasarkan impaknya terhadap pemahaman dan pembinaan pengetahuan murid, bukannya sekadar tahap keseronokan pembelajaran.

Kesimpulannya, definisi ABM perlu difahami secara menyeluruh berdasarkan perspektif pedagogi, komunikasi pendidikan dan pembelajaran murid kerana ketiga-tiga dimensi tersebut saling berkait dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dari sudut pedagogi, ABM membantu guru melaksanakan strategi pengajaran secara lebih sistematik dan berpusatkan murid. Dari perspektif komunikasi pendidikan pula, ABM berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat yang membantu murid memahami konsep dan teori secara lebih jelas dan bermakna. Manakala daripada perspektif pembelajaran murid, ABM membantu membentuk pengalaman pembelajaran murid yang aktif, autentik dan kontekstual. Justeru, ABM tidak boleh ditafsirkan sekadar sebagai bahan tambahan pengajaran, tetapi perlu dilihat sebagai instrumen pedagogi strategik yang mempengaruhi pembangunan ilmu, perkembangan kognitif dan kualiti pembelajaran murid secara menyeluruh.

Pengajaran Prasekolah

Pengajaran prasekolah merujuk kepada suatu proses pedagogi yang dirancang secara sistematik bagi merangsang perkembangan kanak-kanak secara holistik melibatkan aspek kognitif, emosi, sosial, fizikal, rohani dan bahasa sebelum memasuki pendidikan formal (Bredenkamp & Copple, 1997; Morrison, 2018; Muhammad Faizal A. Ghani, 2023). Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, pengajaran prasekolah bukan sahaja proses penyampaian pengetahuan asas, tetapi suatu mekanisme pembangunan holistik yang membentuk asas perkembangan dan kesiapsiagaan pembelajaran kanak-kanak pada masa hadapan (Essa & Burnham, 2019; NAEYC, 2020). Pandangan Bredenkamp dan Copple (1997) selari dengan kenyataan di atas dengan menegaskan pengajaran prasekolah yang efektif perlu berasaskan kesesuaian pembangunan kanak-kanak atau *developmentally appropriate practices* agar proses pembelajaran selari dengan tahap perkembangan dan keperluan individu kanak-kanak.

Dari sudut teori pedagogi, pengajaran prasekolah mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pengajaran pada peringkat pendidikan lain kerana pendekatannya lebih berfokus kepada pengalaman konkrit, aktiviti bermain, pemerolehan dan interaksi sosial berbanding pembelajaran akademik yang formal dan berorientasikan peperiksaan (Pyle & Danniels, 2017; Wood & Attfield, 2005). Piaget (1964) menjelaskan kenyataan di atas bahawa kanak-kanak membangunkan pengetahuan melalui pengalaman aktif mereka berinteraksi dengan persekitaran. Manakala Vygotsky (1978) pula berpendapat bahawa perkembangan pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial dan bimbingan orang dewasa. Justeru, Bodrova dan Leong (2007) berpendapat bahawa perbandingan kedua-dua pandangan ini menggambarkan pengajaran prasekolah yang efektif memerlukan keseimbangan antara pembelajaran aktif kanak-kanak dengan peranan guru sebagai fasilitator perkembangan pembelajaran mereka.

Selain itu, pendekatan bermain sambil belajar sering dianggap sebagai asas utama dalam pengajaran prasekolah kerana aktiviti bermain membantu perkembangan bahasa, sosial, emosi dan kreativiti kanak-kanak secara serentak (Frost et al., 2012). Namun, terdapat kecenderungan sesetengah institusi pendidikan awal kanak-kanak menginterpretasikan pengajaran prasekolah yang cenderung kepada akademik sehingga mengabaikan aspek perkembangan holistik kanak-kanak (Hirsh-Pasek et al., 2009; Miller & Almon, 2009). Penekanan yang berlebihan terhadap penguasaan membaca, menulis dan mengira pada usia awal boleh menyebabkan proses pembelajaran menjadi terlalu formal dan kurang bersesuaian dengan fitrah pembangunan sendiri kanak-kanak (Elkind, 2001). Dengan kata lain, pengajaran yang terlalu berorientasikan akademik didapati boleh mengehadkan pembangunan kreativiti, imaginasi dan kemahiran sosial kanak-kanak (Miller & Almon, 2009).

Di samping itu, keberkesanan pengajaran prasekolah turut dipengaruhi oleh kompetensi guru dalam memahami perkembangan kanak-kanak dan melaksanakan pedagogi yang sesuai dengan tahap umur murid (Copple & Bredekamp, 2009). Guru prasekolah yang kurang memahami pendekatan perkembangan kanak-kanak cenderung menggunakan kaedah pengajaran berbentuk arahan langsung secara berlebihan sehingga mengurangkan peluang kanak-kanak meneroka dan belajar secara aktif (Essa & Burnham, 2019; Gestwicki, 2016). Justeru, pengajaran prasekolah yang berkualiti memerlukan guru bertindak sebagai fasilitator yang membimbing, merangsang dan menyokong pembelajaran kanak-kanak melalui pengalaman yang bermakna (NAEYC, 2020; Wortham, 2006).

Rumusannya, pengajaran prasekolah merupakan suatu proses pendidikan awal yang menekankan pembangunan holistik kanak-kanak melalui pendekatan pedagogi yang aktif, interaktif dan berasaskan perkembangan. Pengajaran tersebut bukan sahaja berfungsi untuk membina asas literasi dan numerasi, tetapi turut membentuk perkembangan sosial, emosi, kreativiti dan kemahiran berfikir kanak-kanak secara menyeluruh. Justeru, keberkesanan pengajaran prasekolah bergantung kepada kemampuan guru mengintegrasikan pengalaman pembelajaran, aktiviti bermain dan keperluan perkembangan kanak-kanak secara seimbang agar proses pendidikan awal benar-benar menyokong pembentukan potensi kanak-kanak secara optimum.

KAEDAH KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hal berikut:

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan kerangka asas yang menentukan hala tuju sesuatu penyelidikan yang melibatkan proses pengurusan data bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai secara sistematik. Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian kualitatif telah diaplikasi bagi menerokai pengalaman guru mengenai amalan dan cabaran mereka dalam konteks sebenar pendidikan awal kanak-kanak. Creswell (2014) menyetujui pemilihan kaedah ini kerana pendekatan kualitatif digunakan apabila pengkaji ingin memahami fenomena sosial berdasarkan perspektif peserta kajian secara holistik dan kontekstual. Oleh itu, penggunaan reka bentuk temu bual separa berstruktur membolehkan pengkaji memperoleh data yang kaya, fleksibel dan reflektif berkaitan amalan pengurusan ABM dalam bilik darjah prasekolah.

Merriam dan Tisdell (2016) turut menyokong pemilihan jenis reka bentuk kajian ini kerana kekuatan kajian kualitatif terletak pada kemampuannya menjelaskan makna, pengalaman dan interpretasi peserta kajian secara mendalam. Dalam konteks ini, pengalaman guru prasekolah berkaitan pengurusan ABM lebih sesuai diteroka melalui interaksi langsung dan refleksi pengalaman berbanding penggunaan soal selidik berskala besar. Patton (2015) turut mempunyai pandangan yang sama bahawa matlamat utama kajian kualitatif ini bukan untuk membuat generalisasi statistik, tetapi untuk membina kefahaman mendalam terhadap sesuatu fenomena mengenai pengurusan dan cabaran ABM dalam kalangan guru prasekolah.

Oleh itu, kekuatan reka bentuk kajian ini terletak pada kedalaman data dan keupayaannya menjelaskan realiti sebenar pengurusan ABM dalam konteks pengajaran prasekolah.

Persampelan

Persampelan merujuk kepada proses pemilihan peserta kajian yang mempunyai ciri-ciri tertentu bagi membolehkan data yang diperoleh adalah relevan dengan objektif kajian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengaplikasi persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana peserta kajian dipilih berdasarkan pengalaman

dan penglibatan langsung mereka dalam pengurusan serta penggunaan ABM di prasekolah. Patton (2015) menyokong kenyataan ini dengan menjelaskan persampelan bertujuan membolehkan pengkaji memilih individu yang memiliki maklumat paling relevan dan mendalam berkaitan fenomena yang dikaji. Justeru, pemilihan guru prasekolah yang memiliki kriteria berikut sebagai peserta kajian adalah selari dengan objektif kajian yang memfokuskan kepada amalan dan cabaran pengurusan ABM.

- a. Mempunyai kelayakan akademik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak; dan
- b. Mempunyai pengalaman khusus berkaitan pengurusan ABM dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak melebihi setahun.

Selanjutnya, bilangan peserta kajian ini adalah seramai tiga orang. Pemilihan saiz sampel tersebut kerana nilai sesuatu data dalam kajian kualitatif lebih bergantung kepada kedalaman pengalaman peserta berbanding jumlah sampel yang besar. Dengan kata lain, dalam kajian kualitatif, fokus utama bukanlah kuantiti peserta tetapi kualiti data yang diperolehi. Guest et al. (2006) menyokong kenyataan tersebut dengan menjelaskan ketepuan data boleh dicapai dengan bilangan peserta yang kecil sekiranya peserta mempunyai pengalaman yang hampir sama dan data yang diperolehi bersifat mendalam.

Jadual 1 menunjukkan profil peserta kajian:

Jadual 1

Profil Peserta Kajian

Peserta Kajian	Kriteria Kelayakan	
	Kelayakan Akademik	Tempoh Pengurusan ABM
1	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (UPSI) Ijazah Sarjana Pertama Bahasa Dan Linguistik Melayu (UPM)	2 tahun
2	Ijazah Sarjana Pertama Pendidikan Awal Kanak-kanak (IPGM)	18 tahun
3	Diploma Pendidikan Awal kanak-kanak (KIAS)	10 tahun

Rumusannya, persampelan bertujuan dalam kajian ini masih dianggap sesuai kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh data yang mendalam dan bermakna berkaitan pengurusan ABM dalam konteks sebenar pengajaran prasekolah.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merujuk kepada alat yang digunakan bagi memperoleh data berkaitan fenomena yang dikaji. Dalam kajian ini, protokol temu bual separa berstruktur digunakan sebagai instrumen utama kerana pendekatan tersebut membolehkan pengkaji mendapatkan data yang fleksibel, mendalam dan bersifat reflektif berkaitan pengurusan dan cabaran menggunakan ABM. Merriam dan Tisdell (2016) memberikan gambaran lanjut mengenai kenyataan tersebut dengan menjelaskan bahawa temu bual separa berstruktur amat sesuai digunakan dalam kajian kualitatif kerana instrumen ini memberikan peluang dan ruang kepada peserta untuk menghuraikan pengalaman dan pandangan mereka secara bebas tanpa terlalu terikat dengan struktur soalan yang rigid.

Dalam konteks kajian ini, soalan temu bual dibina berdasarkan objektif kajian yang melibatkan aspek perancangan, pengurusan, pengendalian, pelaksanaan dan cabaran pengurusan ABM. Protokol temu bual kajian ini telah mengaplikasikan format yang diperkenalkan oleh Creswell (2014) seperti Jadual 2.

Jadual 2*Protokol Temu Bual Kajian*

Komponen Temu Bual	Protokol	Penerangan / Contoh Berdasarkan Kajian
Tajuk Kajian		<i>Pengurusan Alat Bantu Mengajar dalam Meningkatkan Pengajaran Guru Prasekolah</i>
Tujuan Temu Bual		Temu bual dijalankan bagi meneroka secara mendalam amalan pengurusan ABM dan cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
Maklumat Peserta		Kod Peserta: Cikgu 1 / Cikgu 2 / Cikgu 3 Jantina: _____ Pengalaman Mengajar: _____ Jenis Institusi: Tadika / Prasekolah: _____
Tarikh dan Masa Temu Bual		Tarikh: _____ Masa: _____ Tempat / Platform: Bersemuka / Google Meet / Zoom
Pengenalan Temu Bual		Pengkaji memperkenalkan diri, menjelaskan tujuan kajian dan memaklumkan bahawa segala maklumat adalah sulit dan hanya digunakan untuk tujuan akademik. Pengkaji juga mendapatkan persetujuan peserta untuk sesi rakaman temu bual.
Soalan Pembuka (<i>Ice Breaking</i>)		1. Boleh cikgu ceritakan sedikit pengalaman cikgu mengajar di prasekolah? 2. Sejak bila cikgu menggunakan ABM dalam PdP?
Soalan Utama Kajian: Perancangan ABM		1. Bagaimanakah cikgu merancang penggunaan ABM sebelum memulakan proses PdP? 2. Apakah kriteria yang cikgu gunakan untuk memilih ABM yang sesuai bagi mencapai objektif pembelajaran?
Soalan Utama Kajian: Pengurusan dan Penyimpanan ABM		1. Bagaimanakah cikgu mengurus penyimpanan dan susunan ABM supaya mudah dicapai dan digunakan? 2. Apakah strategi yang cikgu gunakan untuk memastikan ABM sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan baik?
Soalan Utama Kajian: Pengendalian dan Pelaksanaan ABM		1. Bagaimanakah cikgu memastikan ABM sesuai dengan tahap perkembangan murid? 2. Bagaimanakah cikgu mengendalikan ABM semasa PdP supaya pembelajaran berjalan lancar dan berkesan?
Soalan Utama Kajian: Cabaran Pengurusan ABM		1. Apakah cabaran utama yang cikgu hadapi dalam menyediakan atau mengurus ABM di prasekolah ini? 2. Bagaimanakah kekangan seperti masa, bajet atau ruang penyimpanan mempengaruhi penggunaan ABM dalam PdP?

Soalan Lanjutan)	Probe (Soalan Lanjutan)	1. Boleh cikgu jelaskan dengan lebih lanjut? 2. Mengapa situasi tersebut berlaku? 3. Boleh cikgu berikan contoh pengalaman sebenar?
Catatan Pengkaji	Pemerhatian	Pengkaji mencatat aspek bukan verbal seperti nada suara, ekspresi wajah, keyakinan peserta dan situasi semasa temu bual berlangsung.
Penutup Temu Bual		Pengkaji merumuskan perbincangan, mengucapkan terima kasih kepada peserta dan memaklumkan bahawa dapatan kajian hanya digunakan untuk tujuan akademik.

Rumusannya, keberkesanan instrumen temu bual bukan hanya bergantung kepada struktur soalan, tetapi turut dipengaruhi oleh kompetensi pengkaji sebagai instrumen utama dalam kajian kualitatif.

Analisis Data

Analisis data merupakan proses penting dalam sesebuah kajian kerana menentukan bagaimana data ditafsir, disusun dan diuraikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang bermakna. Dalam konteks kajian ini, analisis tematik (*thematic analysis*) telah diaplikasi bagi menganalisis data temu bual secara sistematik dan tersusun.

Pandangan Braun dan Clarke (2006) menyetujui pemilihan pengkaji terhadap analisis tematik dengan menjelaskan analisis tematik merupakan pendekatan yang fleksibel dalam mengenal pasti pola, tema dan makna utama daripada sesuatu set data kualitatif. Dalam konteks kajian ini, proses analisis data telah mengaplikasi prosedur analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006) seperti mana Jadual 3.

Jadual 3

Prosedur Analisis Data Temu Bual

Langkah Analisis Tema	Contoh Pemprosesan Data Kajian Berkaitan Pengurusan ABM
1. Membiasakan Diri dengan Data (<i>Familiarisation with Data</i>)	Pengkaji membaca transkrip temu bual guru prasekolah secara berulang bagi memahami pengalaman peserta berkaitan pengurusan ABM. Sebagai contoh, pengkaji meneliti kenyataan seperti “ <i>Saya mengatur ABM mengikut kategori... contohnya bahan numerasi, bahasa, manipulatif, permainan sensori dan bahan muzik</i> ” untuk memahami bagaimana guru mengurus penyusunan dan penyimpanan ABM secara sistematik.
2. Menjana Kod Awal (<i>Generating Initial Codes</i>)	Pengkaji mengenal pasti kod awal daripada data mentah berkaitan pengurusan ABM. Sebagai contoh: (a) Petikan: “ <i>Cikgu mewujudkan sudut ABM di dalam kelas</i> ” → Kod awal: sudut khas ABM; (b) Petikan: “ <i>Semua bahan diletakkan dalam bekas yang berlabel jelas</i> ” → Kod awal: pelabelan bahan; dan (c) Petikan: “ <i>Saya sentiasa membuat semakan setiap minggu</i> ” → Kod awal: pemantauan berkala.
3. Mencari Tema (<i>Searching for Themes</i>)	Kod-kod awal yang mempunyai persamaan makna dikumpulkan menjadi tema sementara. Sebagai contoh: (a) Tema: Pengurusan Penyimpanan ABM - sudut khas ABM - pelabelan bahan - penyusunan mengikut kategori; dan

(b) **Tema: Pengurusan Penyelenggaraan ABM** - pemantauan berkala - penyimpanan sistematik - penggunaan semula bahan.

4. Menyemak Tema Pengkaji menyemak semula tema dengan membandingkan tema terhadap keseluruhan data temu bual.
(*Reviewing Themes*)
Sebagai contoh, kod “*ABM disimpan dalam kotak dan almari*” pada awalnya diletakkan di bawah tema *Pengurusan Penyimpanan ABM*, namun selepas semakan semula, kod tersebut lebih sesuai diletakkan di bawah tema *Pengurusan Penyelenggaraan ABM* kerana berkait dengan usaha menjaga keadaan ABM supaya tahan lama dan selamat digunakan.

5. Menamakan dan Mentakrif Tema Pengkaji menamakan tema berdasarkan maksud dan fokus data.
(*Defining and Naming Themes*)
Sebagai contoh:
(a) **Tema: Pengurusan Penyimpanan ABM** → Definisi: Kaedah guru menyusun, melabel dan menyimpan ABM supaya mudah dicapai dan digunakan semasa PdP; dan
(b) **Tema: Pengurusan Penyelenggaraan ABM** → Definisi: Strategi guru memastikan ABM berada dalam keadaan baik, mencukupi dan selamat digunakan secara berterusan.

6. Menghasilkan Laporan Pengkaji menghuraikan tema bersama sokongan petikan temu bual dan literatur.
(*Producing the Report*)
Sebagai contoh:
Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mengurus ABM secara sistematik melalui penyusunan bahan mengikut kategori, pelabelan dan pemantauan berkala. Seorang guru menyatakan bahawa “*Saya mengatur ABM mengikut kategori — contohnya bahan numerasi, bahasa, manipulatif, permainan sensori dan bahan muzik. Semua bahan diletakkan dalam bekas yang berlabel jelas supaya murid dan saya sendiri mudah mencapainya*” (Cikgu 3). Dapatan ini selari dengan pandangan Robbins dan Coulter (2018) yang menegaskan bahawa pengurusan yang sistematik membantu meningkatkan keberkesanan penggunaan sumber dalam organisasi pendidikan.

Rumusannya, proses analisis perlu dilakukan secara sistematik, konsisten dan telus bagi meningkatkan kredibiliti dapatan kajian. Penggunaan petikan *verbatim* peserta kajian juga penting bagi memastikan interpretasi data berupaya menggambarkan pengalaman sebenar peserta dan bukan semata-mata tafsiran pengkaji.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini mempersembahkan penemuan kajian seperti mana berikut.

Pengurusan Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam Meningkatkan Pengajaran Prasekolah

Untuk menjawab objektif kajian ini, seramai tiga orang peserta kajian dengan kriteria tertentu telah ditemu bual. Data temu bual telah dianalisis menggunakan analisis tematik. Berikut adalah penemuan kajian berdasarkan tema dan subtema berkaitan.

Perancangan Penggunaan ABM. Perancangan ABM merujuk kepada proses guru merancang penggunaan ABM sebelum pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru prasekolah melaksanakan perancangan ABM secara sistematik dengan mengambil kira beberapa subtema utama seperti objektif pembelajaran, tahap perkembangan murid, aspek keselamatan, kesesuaian bahan, daya tarikan ABM serta keberkesanan pelaksanaan PdP dalam mencapai hasil pembelajaran murid.

Berikut adalah persembahan penemuan kajian berdasarkan subtema perancangan penggunaan ABM.

Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Objektif Pembelajaran. Subtema ini merujuk kepada amalan guru prasekolah merancang penggunaan ABM berdasarkan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan sebelum pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Dapatan kajian menunjukkan guru prasekolah mengutamakan objektif pembelajaran ketika merancang penggunaan ABM. Dengan kata lain, guru menentukan hasil pembelajaran terlebih dahulu sebelum memilih bahan pengajaran yang sesuai digunakan dalam PdP. Situasi ini menggambarkan penggunaan ABM dilaksanakan secara terancang dan bukan secara spontan. Justeru, perancangan yang berasaskan objektif pembelajaran membantu guru memastikan setiap ABM yang digunakan berupaya menyokong pencapaian hasil pembelajaran murid.

Kenyataan di atas telah disuarakan oleh peserta kajian seperti mana berikut.

Biasanya, cikgu akan tentukan objektif pembelajaran dahulu, kemudian pilih ABM yang sesuai untuk digunakan (Cikgu 1).

Manakala, Cikgu 3 berpandangan implikasi penggunaan ABM yang bersesuaian dengan objektif pembelajaran seperti berikut.

Saya akan semak objektif pembelajaran terlebih dahulu. Setelah jelas objektifnya, saya pilih ABM yang boleh membantu murid mencapai hasil tersebut (Cikgu 3).

Rumusannya, guru prasekolah mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan perancangan ABM berasaskan objektif pembelajaran. Guru bukan sahaja menggunakan ABM sebagai bahan sokongan, tetapi menjadikannya sebagai medium pedagogi bagi membantu murid mencapai hasil pembelajaran secara lebih efektif dan efisien.

Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Tahap Perkembangan Murid. Subtema ini merujuk kepada pertimbangan guru terhadap tahap perkembangan dan kemampuan murid sebelum merancang penggunaan ABM.

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa guru menyesuaikan penggunaan ABM berdasarkan tahap perkembangan murid termasuk kemampuan memahami, fokus dan kemahiran asas murid. Guru turut mempertimbangkan keperluan murid berbeza tahap dan murid berkeperluan khas semasa memilih bahan pembelajaran.

Kenyataan di atas digambarkan melalui pandangan peserta kajian seperti mana berikut.

Semasa penyediaan ABM, cikgu akan memastikan ABM itu bersesuaian dengan tahap perkembangan murid (Cikgu 1).

Peserta kajian berikut telah memberikan contoh kesesuaian tahap perkembangan murid.

Saya akan menilai kemampuan murid terlebih dahulu, seperti tahap pengenalan huruf, numerasi dan fokus (Cikgu 3).

Berdasarkan penemuan di atas dapat digambarkan guru prasekolah telah mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang mengambil kira prinsip perkembangan sendiri kanak-kanak. Pemilihan ABM yang bersesuaian dengan tahap murid membantu memastikan proses pembelajaran berlaku secara lebih bermakna dan bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Aspek Keselamatan. Subtema ini merujuk kepada pertimbangan guru terhadap aspek keselamatan murid sebelum merancang penggunaan ABM.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru memberi perhatian serius terhadap keselamatan bahan pengajaran sebelum digunakan dalam PdP. Dengan kata lain, guru memastikan bahan yang digunakan tidak berbahaya, mudah dikendalikan dan bersesuaian dengan usia murid prasekolah.

Kenyataan di atas digambarkan melalui pandangan peserta kajian seperti berikut.

Cikgu akan memastikan ABM yang ingin digunakan dalam keadaan selamat untuk digunakan oleh murid (Cikgu 1).

Hal yang sama turut disuarakan oleh Cikgu 2 melalui contoh keselamatan yang telah diambil oleh guru seperti berikut.

Saya memilih bahan yang tidak mempunyai bucu tajam, kecil hingga boleh ditelan atau bahan yang mudah pecah (Cikgu 2).

Ringkasnya, guru prasekolah mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi terhadap keselamatan murid sebelum merancang penggunaan ABM. Hal ini menggambarkan perancangan ABM bukan sahaja berfokus kepada keberkesanan pembelajaran, tetapi turut mengambil kira tanggungjawab guru untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan murid.

Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Kesesuaian Bahan. Subtema ini merujuk kepada pemilihan ABM yang bersesuaian dengan isi kandungan pengajaran guru serta keupayaan murid.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru memilih ABM berdasarkan kesesuaian bahan dengan isi kandungan pengajaran guru. Kesesuaian bahan bermaksud guru akan memastikan ABM adalah mudah digunakan, tahan lama dan boleh membantu murid memahami kandungan pengajaran dengan lebih efektif dan efisien.

Peserta kajian telah menggambarkan kenyataan di atas seperti mana petikan berikut.

Bahan tersebut sesuai dengan kemahiran yang hendak diajar serta tahan lama dan boleh digunakan semula (Cikgu 3).

Pandangan Cikgu 1 mengenai implikasi jika guru berkemahiran dengan bidang mereka iaitu keberkesanan penggunaan ABM seperti berikut.

Cikgu juga akan memastikan ABM mudah dikendalikan (Cikgu 1).

Penemuan kajian ini menunjukkan guru menilai kesesuaian bahan secara pedagogi dan praktikal sebelum merancang penggunaan ABM dalam PdP. Pemilihan bahan yang sesuai membantu guru melaksanakan pengajaran secara lebih sistematik efektif dan efisien.

Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Daya Tarikan ABM terhadap Murid. Subtema ini merujuk kepada usaha guru memilih ABM yang menarik bagi meningkatkan minat dan perhatian murid semasa PdP.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru memilih ABM yang berwarna-warni, menarik dan bersifat interaktif bagi memastikan murid lebih fokus dan berminat terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini digambarkan melalui pandangan peserta kajian seperti mana berikut.

Cikgu juga akan memastikan ABM dapat menarik minat murid (Cikgu 1).

Hal yang sama diutarakan oleh Cikgu 3 menerusi contoh ABM yang menarik.

Bahan tersebut menarik serta berwarna-warni, sekali gus dapat menarik minat murid semasa proses pembelajaran (Cikgu 3).

Ringkasnya, penemuan kajian ini menggambarkan elemen visual dan interaktif dalam ABM memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan murid prasekolah. Guru memahami bahawa murid lebih mudah memberikan perhatian kepada proses PdP jika bahan pembelajaran bersifat menarik dan menyeronokkan.

Merancang Penggunaan ABM Agar Proses PdP Lebih Bersistematik. Subtema ini merujuk kepada kaedah guru merancang penggunaan ABM bagi membantu mereka melaksanakan PdP secara lebih sistematik.

Dapatan kajian ini menggambarkan guru merancang penggunaan ABM secara cermat dengan mengatur langkah demi langkah bagi memastikan proses PdP berjalan dengan lancar tanpa kekeliruan semasa PdP berlangsung.

Hal ini digambarkan oleh peserta kajian seperti mana berikut.

Saya juga merancang langkah demi langkah melibatkan bagaimana ABM akan digunakan, berapa lama dan bagaimana murid akan dikumpulkan (Cikgu 3).

Ringkasnya, penemuan kajian ini menggambarkan guru merancang penggunaan ABM secara sistematik bagi membantu mereka mengurus masa, bahan dan proses PdP secara lebih efisien dan efektif. Situasi ini membolehkan proses PdP dilaksanakan dengan lebih teratur dan terkawal.

Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Result-Oriented. Subtema ini merujuk kepada penggunaan ABM yang dirancang berdasarkan *result-oriented* iaitu membantu murid mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru menggunakan ABM sebagai medium bagi membantu murid memahami isi kandungan pengajaran melalui pencapaian objektif pembelajaran secara optimum.

Kenyataan tersebut digambarkan oleh seorang peserta kajian seperti mana berikut.

Saya pilih ABM yang boleh membantu murid mencapai hasil tersebut (Cikgu 3).

Ringkasnya, penemuan kajian ini menggambarkan guru menjadikan ABM sebagai instrumen pedagogi yang menyokong peningkatan pembelajaran murid melalui pencapaian hasil pembelajaran menerusi penggunaan ABM secara strategik dan berorientasikan pencapaian murid.

Pelaksanaan Penggunaan ABM. Tema pelaksanaan penggunaan ABM merujuk kepada cara guru prasekolah melaksanakan penggunaan (ABM) semasa proses (PdP) mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai strategi pelaksanaan seperti demonstrasi awal, aktiviti individu dan berkumpulan, penggunaan bahan manipulatif dan digital serta memberi peluang kepada murid meneroka dan menggunakan ABM secara langsung. Pelaksanaan yang pelbagai ini membantu meningkatkan penglibatan aktif murid dalam proses PdP guru.

Berikut adalah persembahan penemuan kajian berdasarkan subtema pelaksanaan ABM.

Demonstrasi Awal. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru menggunakan kaedah demonstrasi awal sebelum murid menggunakan ABM dalam sesi aktiviti pembelajaran murid. Menurut kaedah ini, guru menerangkan terlebih dahulu cara penggunaan ABM supaya murid memahami langkah-langkah aktiviti bagi mengelakkan kekeliruan ketika PdP berlangsung. Demonstrasi awal juga membantu murid menggunakan bahan dengan lebih yakin dan teratur.

Kenyataan di atas digambarkan menerusi pandangan peserta kajian seperti mana berikut. Cikgu 1 menyatakan seperti berikut.

Biasanya, cikgu akan buat penerangan ringkas terlebih dahulu dan tunjuk cara penggunaan ABM (Cikgu 1).

Begitu dengan dengan Cikgu 2 yang berpandangan sama seperti mana Cikgu 1 mengenai implikasi penerangan guru sebelum menggunakan ABM.

Saya akan demonstrasi dahulu supaya murid faham bagaimana bahan itu digunakan sebelum aktiviti bermula (Cikgu 2).

Daripada kenyataan di atas, dapat dirumuskan bahawa demonstrasi awal memainkan peranan penting bagi memastikan murid memahami prosedur penggunaan ABM sebelum sesuatu aktiviti dijalankan. Kaedah ini membantu mengurangkan kekeliruan murid serta memastikan proses pembelajaran berjalan secara lebih efisien dan efektif.

Aktiviti Individu dan Berkumpulan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru menggunakan ABM untuk aktiviti pembelajaran berbentuk individu dan berkumpulan bagi meningkatkan penglibatan murid dalam sesi pembelajaran. Guru memberikan murid peluang untuk menjalankan sesuatu aktiviti secara berkolaboratif ketika menggunakan ABM.

Kenyataan di atas digambarkan melalui pandangan peserta kajian seperti berikut. Cikgu 1 berpandangan seperti berikut.

Ada aktiviti yang cikgu buat secara individu dan ada juga secara kumpulan supaya murid dapat bekerjasama (Cikgu 1).

Cikgu 3 turut mempunyai pandangan yang sama seperti mana berikut.

Murid akan diberikan masa mencuba sendiri sama ada secara individu atau berkumpulan (Cikgu 3).

Berdasarkan penemuan kajian ini seperti mana di atas, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran secara individu dan berkumpulan telah membantu guru untuk meningkatkan interaksi sosial, komunikasi dan penglibatan aktif dalam kalangan murid. Aktiviti berkumpulan juga membolehkan murid belajar secara kolaboratif melalui perkongsian idea dan pengalaman sewaktu menggunakan ABM.

Penggunaan Bahan Manipulatif dan Digital. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai jenis ABM termasuk bahan manipulatif dan digital semasa proses PdP. Penggunaan bahan manipulatif membantu murid belajar melalui pengalaman konkrit, manakala penggunaan bahan digital menjadikan proses PdP lebih menarik dan interaktif.

Hal ini dinyatakan oleh peserta kajian iaitu Cikgu 1 seperti mana berikut.

Saya gunakan bahan seperti blok, kad huruf dan objek sebenar supaya murid boleh pegang dan cuba sendiri (Cikgu 1).

Manakala, Cikgu 2 pula berpandangan bahawa penggunaan bahan digital berupaya meningkatkan minat murid terhadap proses PdP guru.

Kadang-kadang saya gunakan video atau permainan digital untuk tarik perhatian murid (Cikgu 2).

Penemuan kajian ini menggambarkan penggunaan bahan manipulatif dan digital membantu mewujudkan pembelajaran yang lebih interaktif, menyeronokkan dan sesuai dengan tahap perkembangan murid prasekolah. Penemuan kajian ini juga mendapati guru telah mengintegrasikan pelbagai jenis ABM bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang berbeza.

Peluang Murid Meneroka dan Menggunakan ABM Secara Langsung. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru telah memberikan murid peluang untuk meneroka dan menggunakan ABM secara langsung ketika proses PdP. Guru tidak hanya menunjukkan penggunaan bahan, tetapi turut membenarkan murid mencuba sendiri agar mereka memperoleh pengalaman pembelajaran secara aktif.

Hal ini dinyatakan oleh peserta kajian implikasi daripada murid diberikan peluang menggunakan ABM secara langsung. Pandangan Cikgu 1 seperti mana berikut mengenai peningkatan kefahaman murid.

Cikgu akan beri peluang murid pegang dan cuba sendiri ABM supaya mereka lebih faham (Cikgu 1).

Begitu juga dengan Cikgu 2 yang menyatakan seperti berikut mengenai pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

Murid lebih suka bila mereka dapat gunakan sendiri bahan yang cikgu sediakan (Cikgu 2).

Pandangan yang sama oleh Cikgu 3 seperti mana berikut berkaitan mengenai peningkatan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran.

Saya beri masa kepada murid untuk meneroka bahan supaya mereka lebih aktif semasa belajar (Cikgu 3).

Dapatan kajian ini menunjukkan guru telah memberikan murid peluang untuk meneroka dan menggunakan ABM secara langsung bagi membantu meningkatkan penglibatan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran. Pendekatan ini membolehkan murid membangunkan kefahaman melalui pengalaman sebenar. Implikasinya, aktiviti pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan.

Kepimpinan Guru dalam Pengurusan ABM. Tema kepimpinan guru dalam pengurusan ABM merujuk kepada keupayaan guru untuk mengurus, menyelaras dan membimbing penggunaan ABM secara efektif bagi memastikan proses PdP berjalan dengan lancar, tersusun dan mencapai objektif pembelajaran.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, tetapi turut berfungsi sebagai pemimpin instruksional yang mengawal penggunaan ABM, menyelaras aktiviti pembelajaran dan membimbing murid sepanjang proses PdP berlangsung.

Berikut adalah persembahan mengenai penemuan kajian berdasarkan subtema guru memimpin penggunaan ABM.

Keupayaan Guru Memimpin Penggunaan ABM Secara Efisien dan Efektif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru mempunyai keupayaan memimpin penggunaan ABM secara efektif melalui penyediaan bahan, penyusunan aktiviti pembelajaran dan pengawalan penggunaan ABM dalam bilik darjah. Contohnya, guru memastikan keadaan ABM adalah baik, mudah dicapai dan sesuai digunakan mengikut aktiviti pembelajaran yang telah dirancang. Implikasinya, proses PdP berjalan secara lebih sistematik.

Hal ini digambarkan oleh peserta kajian seperti Cikgu 1.

Cikgu mewujudkan sudut ABM di dalam kelas. Cikgu juga membuat tagging pada ABM tersebut mengikut subjek supaya mudah dicapai (Cikgu 1).

Selanjutnya, Cikgu 3 telah memberikan contoh pengasingan ABM mengikut kategori tertentu.

Saya mengatur ABM mengikut kategori... contohnya bahan numerasi, bahasa, manipulatif, permainan sensori dan bahan muzik (Cikgu 3).

Manakala, Cikgu 2 menggambarkan bagaimana ABM telah dikawal dengan selamat seperti mana berikut.

Susunan yang kemas dan betul. Seperti rak ABM yang menguji minda berdekatan pelajar dan alatan tajam seperti gunting disimpan dengan betul (Cikgu 2).

Penemuan kajian ini mendapati guru prasekolah mempunyai kemahiran kepimpinan yang baik dalam mengendalikan ABM bagi menyokong keberkesanan proses PdP. Kepimpinan yang sistematik berupaya membantu guru memastikan ABM mudah digunakan, selamat dan dapat menyokong kelancaran aktiviti pembelajaran murid secara lebih efektif dan efisien.

[15]

Keupayaan Guru Menyelaras Penggunaan ABM. Dapatan kajian ini mendapati guru berupaya menyelaras penggunaan ABM dengan mengatur aktiviti pembelajaran, membahagikan murid kepada kumpulan tertentu dan memastikan setiap murid memperoleh peluang menggunakan ABM semasa proses PdP. Guru juga merancang langkah penggunaan ABM secara berperingkat bagi memastikan aktiviti pembelajaran berjalan dengan lancar.

Hal ini digambarkan oleh peserta kajian. Misalnya, Cikgu 3 menyatakan guru membentuk kumpulan kecil agar setiap murid berpeluang menggunakan ABM.

ABM dibahagikan mengikut kumpulan kecil supaya semua murid boleh terlibat (Cikgu 3).

Selanjutnya, Cikgu 1 menyatakan peluang setiap murid menggunakan ABM turut mempunyai perkaitan dengan saiz pembinaan ABM

Biasanya, aktiviti secara individu cikgu akan menyediakan ABM bersaiz kecil dan untuk aktiviti secara berkumpulan cikgu akan menyediakan ABM bersaiz besar (Cikgu 1).

Cikgu 2 pula memberikan contoh jenis ABM yang berupaya memberikan peluang setiap murid untuk menggunakannya.

Biasanya menggunakan *television* yang disambungkan dengan Smart TV dan menyuruh murid melihat poster yang ditampal di dinding untuk menjawab soalan cikgu (Cikgu 2).

Rumusannya, kajian ini menemui guru prasekolah mempunyai keupayaan untuk menyelaras penggunaan ABM secara terancang bagi memastikan penglibatan murid berlaku secara menyeluruh. Penyelarasan aktiviti dan penggunaan bahan mengikut kumpulan berupaya meningkatkan interaksi sosial, kolaboratif dan keberkesanan PdP dalam bilik darjah prasekolah.

Keupayaan Guru Membimbing Penggunaan ABM. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru membimbing penggunaan ABM melalui penerangan awal, demonstrasi penggunaan bahan dan pemantauan secara berterusan semasa aktiviti proses PdP berlangsung. Guru turut memberikan arahan yang jelas kepada murid supaya mereka berupaya menggunakan ABM dengan betul dan selamat.

Kenyataan ini digambarkan oleh Cikgu 1 berkaitan bimbingan guru mengenai cara menggunakan ABM.

Cikgu akan memberitahu cara-cara penggunaan ABM sebelum PdP (Cikgu 1).

Cikgu 2 turut berpandangan yang sama seperti mana berikut.

Sentiasa tunjukkan cara penggunaan terlebih dahulu sebelum murid guna (Cikgu 2).

Selanjutnya, Cikgu 3 menggambarkan contoh bimbingan guru kepada murid melalui pemantauan terhadap setiap kumpulan.

Saya sentiasa bergerak antara kumpulan untuk memberi bimbingan (Cikgu 3).

Rumusannya, kajian ini mendapati guru prasekolah memainkan peranan penting sebagai fasilitator dengan membimbing murid mengenai penggunaan ABM. Implikasinya, murid memahami cara penggunaan ABM dengan betul serta mereka berkeyakinan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Situasi ini menunjukkan bahawa kepimpinan guru dalam merajui penggunaan ABM bukan sekadar mengawal penggunaan bahan, tetapi turut melibatkan usaha membimbing dan menyokong perkembangan pembelajaran murid secara berterusan.

Kawalan Penggunaan ABM. Tema kawalan penggunaan ABM merujuk kepada tindakan guru prasekolah memastikan penggunaan ABM dilaksanakan secara selamat, tersusun dan terkawal semasa proses PdP. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru memberikan perhatian serius terhadap aspek keselamatan bahan, kesesuaian

ABM dengan tahap perkembangan murid, pemantauan penggunaan bahan secara berterusan, pemeriksaan bahan dan penyimpanan ABM secara sistematik bagi memastikan PdP berjalan dengan lancar dan selamat.

Berikut adalah persembahan mengenai penemuan kajian berdasarkan subtema kawalan penggunaan ABM.

Bahan yang Digunakan Selamat dan Tidak Berbahaya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prihatin dengan keselamatan semasa memilih dan menggunakan ABM dalam proses PdP. Guru turut memastikan bahan yang digunakan tidak mempunyai unsur berbahaya seperti bucu tajam, bahan mudah pecah atau objek kecil yang boleh mendatangkan risiko kepada murid prasekolah. Dengan kata lain, guru turut memastikan bahan berada dalam keadaan baik sebelum digunakan semasa aktiviti pembelajaran.

Kenyataan di atas digambarkan oleh Cikgu 1 mengenai prihatin guru dalam memilih ABM.

Cikgu akan memastikan ABM yang ingin digunakan dalam keadaan selamat untuk digunakan oleh murid (Cikgu 1).

Cikgu 2 turut mempunyai pandangan yang sama.

Alatan tajam seperti gunting akan disimpan dengan betul dan hanya digunakan dengan pemantauan guru (Cikgu 2).

Pandangan Cikgu 3 mengenai contoh bahan yang berisiko tinggi dalam aspek keselamatan.

Saya memilih bahan yang tidak mempunyai bucu tajam, kecil hingga boleh ditelan atau bahan yang mudah pecah (Cikgu 3).

Rumusannya, guru prasekolah mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi terhadap aspek keselamatan dalam penggunaan ABM. Misalnya, guru memastikan bahan tidak berbahaya digunakan sebagai ABM bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan murid sepanjang PdP berlangsung.

Kesesuaian ABM dengan Tahap Perkembangan Murid. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru memilih dan mengawal penggunaan ABM berdasarkan tahap perkembangan dan kemampuan murid. Misalnya, guru akan memastikan bahan yang digunakan mudah difahami, sesuai dengan umur dan tidak terlalu kompleks sehingga menyukarkan murid untuk mengikuti aktiviti pembelajaran.

Hal tersebut disuarakan oleh Cikgu 1 seperti mana berikut.

Semasa penyediaan ABM, cikgu akan memastikan ABM itu bersesuaian dengan tahap perkembangan murid (Cikgu 1).

Cikgu 2 turut mempunyai pandangan yang sama seperti mana berikut.

Saya akan melihat kemampuan murid terlebih dahulu sebelum memilih bahan yang sesuai digunakan (Cikgu 2).

Selanjutnya, Cikgu 3 menyatakan implikasi jika ABM dipilih bersesuaian dengan tahap perkembangan murid iaitu aktiviti pembelajaran murid berlangsung secara efisien dan efektif.

Bahan yang digunakan mestilah sesuai dengan tahap murid supaya mereka dapat mengikuti aktiviti dengan baik (Cikgu 3).

Penemuan kajian ini mendapati guru prasekolah mengawal penggunaan ABM berdasarkan prinsip kesesuaian perkembangan murid. Misalnya, guru menyedari bahawa penggunaan ABM yang terlalu kompleks atau kurang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid berupaya menggagalkan proses PdP. Implikasinya, murid akan pasif di dalam bilik darjah.

Pemantauan Guru Secara Berterusan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru melaksanakan pemantauan secara berterusan semasa murid menggunakan ABM ketika aktiviti pembelajaran berlangsung. Guru sentiasa bergerak dan memerhati murid bagi memastikan bahan digunakan dengan cara yang betul dan selamat.

Kenyataan di atas digambarkan oleh Cikgu 1 mengenai kekerapan guru memantau penggunaan ABM.

Cikgu akan sentiasa memantau murid semasa mereka menggunakan ABM (Cikgu 1).

Selanjutnya, Cikgu 2 menyatakan kaedah pemantauan iaitu memantau setiap kumpulan.

Saya akan melihat setiap kumpulan supaya murid menggunakan bahan dengan betul (Cikgu 2).

Manakala, Cikgu 3 menggambarkan kaedah pemantauan guru terhadap setiap kumpulan iaitu menggunakan kaedah mobiliti.

Saya sentiasa bergerak antara kumpulan untuk memberi bimbingan dan memastikan penggunaan ABM berjalan lancar (Cikgu 3).

Rumusnya, pemantauan secara berterusan berupaya membantu guru mengawal tingkah laku murid dan memastikan penggunaan ABM berlaku secara terkawal dan sistematik. Pemantauan tersebut juga membolehkan guru mengenal pasti kesilapan penggunaan ABM serta memberikan bimbingan segera kepada murid melalui mobiliti guru ke setiap kumpulan.

Pemeriksaan Bahan ABM. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru melakukan pemeriksaan terhadap ABM sebelum dan selepas digunakan bagi memastikan bahan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan semula dalam aktiviti pembelajaran seterusnya.

Hal ini dinyatakan oleh Cikgu 1 mengenai keprihatin guru untuk memeriksa situasi ABM sebelum digunakan.

Cikgu akan memeriksa dahulu keadaan ABM sebelum digunakan oleh murid (Cikgu 1).

Selanjutnya, Cikgu 3 menyatakan mengenai kekerapan guru untuk memeriksa ABM.

Saya sentiasa membuat semakan setiap minggu supaya ABM sentiasa berada dalam keadaan baik (Cikgu 3).

Manakala, Cikgu 2 memberikan pandangan mengenai tindakan terhadap ABM yang mengalami kerosakan.

Saya akan memastikan bahan yang rosak tidak digunakan semasa PdP (Cikgu 2).

Ringkasnya, kajian ini menemui contoh tingkah laku guru prasekolah guru yang mengamalkan kawalan ABM yang sistematik iaitu pemeriksaan bahan dilakukan secara berkala. Implikasi usaha tersebut menyebabkan ABM sentiasa berada dalam situasi yang baik, selamat dan boleh digunakan secara berterusan untuk proses PdP.

Penyimpanan ABM Secara Sistematik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru menyimpan ABM secara tersusun dan sistematik bagi memasti ABM dikawal untuk digunakan secara berterusan dalam proses PdP. Misalnya, guru menggunakan rak-rak khas, kotak penyimpanan dan pelabelan bahan bagi memastikan ABM mudah dicapai dan berada dalam situasi yang baik.

Kenyataan di atas digambarkan oleh peserta kajian. Contohnya, Cikgu 2 menyatakan ABM disimpan selamat dalam rak khas bagi memudahkan guru mengambil bahan tersebut.

Semua bahan disusun di rak tertentu supaya mudah dicapai dan digunakan semasa aktiviti (Cikgu 2).

Selanjutnya, Cikgu 1 menyatakan rak-rak tersebut dilabelkan mengikut kategori tertentu.

Cikgu mewujudkan sudut ABM di dalam kelas dan membuat tagging pada bahan tersebut (Cikgu 1).

Cikgu 3 telah memberikan contoh kategori yang diberikan kepada rak-rak yang menyimpan ABM.

Saya mengatur ABM mengikut kategori seperti numerasi, bahasa dan permainan sensori supaya lebih mudah diurus (Cikgu 3).

Ringkasnya, kajian ini menemui penyimpanan ABM secara sistematik membantu guru mengawal penggunaan bahan dengan lebih efisien dan efektif. Penyimpanan yang tersusun bukan sahaja memudahkan guru mencapai bahan dengan cepat, tetapi turut membantu memastikan kebersihan, keselamatan dan ketahanan bahan ABM dalam jangka masa panjang.

Secara keseluruhan, pengurusan ABM guru prasekolah adalah seperti Jadual 4.

Jadual 4

Ringkasan Pengurusan ABM Guru Prasekolah

Tema	Subtema
Perancangan Penggunaan ABM	(a) Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Objektif Pembelajaran (b) Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Tahap Perkembangan Murid (c) Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Aspek Keselamatan (d) Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Kesesuaian Bahan (e) Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan Daya Tarikan ABM terhadap Murid (f) Merancang Penggunaan ABM Agar Proses PdP Lebih Bersistematik (g) Merancang Penggunaan ABM Berdasarkan <i>Result-Oriented</i>
Pelaksanaan Penggunaan ABM	(a) Demonstrasi Awal (b) Aktiviti Individu dan Berkumpulan (c) Penggunaan Bahan Manipulatif dan Digital (d) Peluang Murid Meneroka dan Menggunakan ABM Secara Langsung
Kepimpinan Guru dalam Penggunaan ABM	(a) Keupayaan Guru Memimpin Penggunaan ABM Secara Efisien dan Efektif (b) Keupayaan Guru Menyelaras Penggunaan ABM (c) Keupayaan Guru Membimbing Penggunaan ABM
Kawalan Penggunaan ABM	(a) Bahan yang Digunakan Selamat dan Tidak Berbahaya (b) Kesesuaian ABM dengan Tahap Perkembangan Murid (c) Pemantauan Guru Secara Berterusan (d) Pemeriksaan Bahan ABM (e) Penyimpanan ABM Secara Sistematik

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan hal berikut.

Perancangan Penggunaan ABM

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah melaksanakan perancangan penggunaan ABM secara sistematik dengan mengambil kira objektif pembelajaran, tahap perkembangan murid, keselamatan, kesesuaian bahan, daya tarikan visual serta pencapaian hasil pembelajaran murid. Guru didapati tidak menggunakan ABM secara spontan, sebaliknya setiap bahan dipilih berdasarkan keupayaan mereka membantu murid untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Selain itu, guru turut mempertimbangkan aspek perkembangan kognitif dan emosi murid sebelum menentukan jenis ABM yang sesuai digunakan ketika proses PdP. Situasi ini menggambarkan bahawa perancangan ABM dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak bukan sekadar melibatkan penyediaan bahan pengajaran, tetapi merupakan suatu proses pedagogi yang dirancang secara strategik dan berorientasikan pembelajaran murid.

Penemuan kajian ini selari dengan kajian Heinich et al. (2002) yang menegaskan bahawa ABM berfungsi sebagai medium pedagogi yang membantu guru menyampaikan kandungan pembelajaran secara lebih sistematik dan bermakna. Dapatan ini juga menyokong pandangan Morrison (2018) bahawa perancangan bahan pengajaran secara sistematik membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih efisien dan efektif. Selain itu, kajian Bredekamp dan Copple (1997) mendapati bahawa keberkesanan pengajaran prasekolah sangat bergantung kepada kesesuaian ABM dengan tahap perkembangan kanak-kanak atau *developmentally appropriate practices*. Dalam konteks yang lebih luas, kajian Noriati A. Rashid (2017) turut melaporkan bahawa kreativiti guru dalam merancang penggunaan ABM berupaya meningkatkan motivasi dan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, penemuan kajian ini berbeza dengan pandangan Miller dan Almon (2009) yang mendapati sebahagian institusi pendidikan awal kanak-kanak seperti prasekolah terlalu menumpukan aspek akademik sehingga penggunaan ABM lebih bersifat mekanikal dan kurang mengambil kira perkembangan holistik murid.

Dari sudut teori, dapatan kajian ini mengukuhkan teori konstruktivisme oleh Piaget (1970) dan Vygotsky (1978) yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku secara aktif melalui interaksi murid dengan persekitaran pembelajaran mereka. Dalam konteks kajian ini, ABM berfungsi sebagai medium yang membantu murid membina pengetahuan melalui pengalaman konkrit dan penerokaan sendiri. Penemuan kajian ini juga menyokong Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Gardner (1993) yang menjelaskan bahawa murid memiliki kecerdasan dan gaya pembelajaran yang berbeza. Justeru, penggunaan ABM yang pelbagai dan dirancang secara sistematik membantu memenuhi keperluan pembelajaran murid yang berbeza tahap keupayaan mereka. Selain itu, dapatan ini turut memperkukuhkan kerangka *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) oleh Mishra dan Koehler (2006) yang menegaskan bahawa keberkesanan penggunaan bahan pengajaran bergantung kepada integrasi antara pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi secara seimbang.

Dari aspek praktikal, dapatan kajian ini memberikan implikasi bahawa guru prasekolah perlu diberikan latihan berkaitan perancangan pedagogi dan pengurusan ABM secara sistematik agar penggunaan bahan pembelajaran tidak bersifat rutin atau ritualistik semata-mata. Pihak sekolah dan institusi pendidikan awal kanak-kanak juga perlu menyediakan garis panduan berkaitan pemilihan ABM yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid serta objektif pembelajaran. Selain itu, guru perlu didedahkan kepada kemahiran menghasilkan ABM yang kreatif, selamat dan kontekstual supaya bahan yang digunakan berupaya membantu peningkatan keberkesanan proses PdP. Dalam konteks pengurusan pendidikan, dapatan ini turut menunjukkan bahawa penyediaan sumber kewangan dan kemudahan yang mencukupi sangat penting bagi membantu guru merancang penggunaan ABM secara lebih inovatif dan berkesan.

Pelaksanaan Penggunaan ABM

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah melaksanakan penggunaan ABM melalui pelbagai strategi pedagogi seperti demonstrasi awal, aktiviti individu dan kumpulan, penggunaan bahan manipulatif serta bahan digital. Selain itu, guru turut memberikan murid peluang untuk meneroka dan menggunakan ABM secara langsung ketika proses PdP. Situasi ini menunjukkan bahawa penggunaan ABM tidak hanya tertumpu kepada penyampaian maklumat secara sehalu oleh guru, tetapi melibatkan penglibatan aktif murid melalui pengalaman

[20]

pembelajaran yang bersifat interaktif, *hands-on* dan kolaboratif. Penemuan ini menggambarkan bahawa guru prasekolah berupaya mengintegrasikan penggunaan ABM sebagai medium untuk membina pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan menyeronokkan kepada murid.

Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Bruner (1966) yang menegaskan bahawa pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila murid mengalami sendiri proses pemerolehan ilmu berbanding menerima maklumat secara pasif. Penemuan ini juga menyokong kajian Dale (1969) melalui *Cone of Experience* yang menjelaskan bahawa murid lebih mudah memahami sesuatu teori apabila pembelajaran melibatkan pengalaman konkrit dan penggunaan pelbagai deria. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, kajian Frost, Wortham dan Reifel (2012) mendapati bahawa penggunaan bahan manipulatif dan aktiviti bermain sambil belajar membantu meningkatkan perkembangan sosial, bahasa dan kreativiti murid. Selain itu, kajian Mayer (2009) turut membuktikan bahawa gabungan elemen visual, audio dan interaktif dalam bahan digital berupaya meningkatkan kefahaman murid terhadap sesuatu konsep pembelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Miller dan Almon (2009) yang mendapati sebahagian guru menggunakan bahan digital secara berlebihan sehingga mengurangkan peluang murid terlibat dalam pengalaman pembelajaran konkrit dan interaksi sosial secara langsung.

Dari perspektif teori, dapatan kajian ini mengukuhkan teori konstruktivisme sosial oleh Vygotsky (1978) yang menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial, kolaboratif dan bimbingan guru dalam *Zone of Proximal Development* (ZPD). Penggunaan aktiviti berkumpulan dan pemerolehan ABM secara langsung menunjukkan bahawa murid membina kefahaman melalui pengalaman sosial dan interaksi dengan rakan sebaya. Penemuan kajian ini juga menyokong teori pembelajaran berasaskan pengalaman oleh Dewey (1938) yang menjelaskan bahawa pengalaman langsung membantu murid menghubungkan teori dengan situasi sebenar. Selain itu, dapatan ini turut memperkukuhkan teori Bruner (1966) berkaitan pembelajaran penemuan (*discovery learning*) kerana guru memberi peluang kepada murid meneroka dan menggunakan ABM secara aktif semasa PdP berlangsung.

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah perlu menguasai pelbagai strategi pelaksanaan ABM agar proses PdP tidak terlalu bergantung kepada kaedah penerangan tradisional semata-mata. Guru juga perlu diberikan latihan berkaitan penggunaan bahan manipulatif dan teknologi digital supaya pelaksanaan ABM benar-benar membantu meningkatkan penglibatan aktif murid. Selain itu, institusi pendidikan awal kanak-kanak perlu menyediakan kemudahan digital, ruang pembelajaran fleksibel dan sumber bahan manipulatif yang mencukupi bagi menyokong pelaksanaan pembelajaran secara aktif dan interaktif. Dalam konteks pengurusan bilik darjah pula, guru perlu merancang aktiviti individu dan berkumpulan secara seimbang agar semua murid memperoleh peluang terlibat secara aktif dalam pembelajaran.

Walaupun penggunaan bahan manipulatif dan digital dilihat berupaya meningkatkan penglibatan murid, keberkesanan pelaksanaan ABM perlu dianalisis secara kritikal kerana penglibatan aktif murid tidak semestinya menjamin pembelajaran bermakna berlaku. Terdapat kemungkinan murid hanya tertarik kepada elemen hiburan, warna dan permainan tanpa memahami kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Situasi ini selari dengan pandangan Mayer (2009) bahawa penggunaan multimedia secara berlebihan boleh meningkatkan *extraneous cognitive load* sehingga mengganggu pemprosesan maklumat murid. Selain itu, penggunaan teknologi digital yang terlalu dominan juga boleh mengurangkan peluang murid membangunkan kemahiran sosial dan komunikasi secara langsung dengan rakan sebaya. Justeru, keberkesanan pelaksanaan ABM tidak boleh diukur berdasarkan tahap keseronokan pembelajaran semata-mata, tetapi perlu dinilai dari sudut sejauh mana bahan tersebut membantu murid membina pengetahuan, meningkatkan kemahiran berfikir dan mengembangkan perkembangan holistik mereka secara berterusan.

Kepimpinan Guru dalam Pengurusan ABM

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah memainkan peranan penting sebagai pemimpin instruksional dalam memimpin ABM. Guru didapati mempunyai kemahiran memimpin, menyelaras dan membimbing penggunaan ABM secara efektif bagi memastikan proses PdP berjalan secara sistematik dan mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, guru juga bertindak untuk mengawal penggunaan bahan, menyusun aktiviti murid serta memastikan semua murid memperoleh peluang menggunakan ABM secara aktif. Penemuan ini menunjukkan bahawa kepimpinan dalam penggunaan ABM tidak hanya melibatkan aspek teknikal penggunaan

[21]

bahan, tetapi turut memerlukan elemen kepimpinan guru dalam mengawal interaksi pembelajaran dan membentuk suasana PdP yang kondusif.

Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Hallinger (2011) yang menegaskan bahawa kepimpinan instruksional guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Penemuan ini juga menyokong kajian Katzenmeyer dan Moller (2013) yang menjelaskan bahawa guru yang memiliki ciri kepimpinan mampu mempengaruhi penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran. Dalam konteks penggunaan ABM, kajian Noriati A. Rashid et al. (2017) mendapati bahawa guru yang mempunyai kemahiran kepimpinan bilik darjah lebih berupaya memimpin penggunaan bahan pengajaran secara sistematik dan interaktif. Selain itu, kajian oleh Leithwood dan Jantzi (2000) turut menunjukkan bahawa kepimpinan guru dalam bilik darjah membantu meningkatkan motivasi, keyakinan dan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan penemuan sesetengah kajian terdahulu (seperti Mayer, 2009) yang menunjukkan bahawa sebahagian guru masih mengamalkan pendekatan pengajaran berpusatkan guru sehingga penggunaan ABM hanya dikawal sepenuhnya oleh guru tanpa memberi peluang murid meneroka bahan secara aktif (Miller & Almon, 2009).

Dari sudut teori, dapatan kajian ini mengukuhkan teori kepimpinan instruksional oleh Hallinger (2011) yang menekankan bahawa keberkesanan pembelajaran sangat dipengaruhi oleh kemampuan pemimpin pendidikan merajui proses pengajaran secara sistematik dan berfokus kepada pembelajaran murid. Dalam konteks kajian ini, guru bertindak sebagai pemimpin bilik darjah yang mengawal penggunaan ABM, menyusun aktiviti pembelajaran dan membimbing murid sepanjang proses PdP berlangsung. Penemuan ini juga menyokong teori konstruktivisme sosial oleh Vygotsky (1978) yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui bimbingan dan interaksi sosial antara guru dan murid. Selain itu, dapatan kajian ini turut memperkukuhkan teori pembelajaran sosial oleh Bandura (1986) yang menjelaskan bahawa murid belajar melalui pemerhatian, demonstrasi dan bimbingan daripada individu yang lebih berpengalaman. Oleh itu, guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, tetapi turut bertindak sebagai model dan fasilitator pembelajaran dalam penggunaan ABM.

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah seharusnya memiliki kemahiran kepimpinan instruksional yang tinggi bagi memastikan penggunaan ABM dapat dilaksanakan secara efesein dan efektif. Guru perlu diberikan latihan berkaitan pengurusan bilik darjah, penyelarasan aktiviti pembelajaran dan teknik membimbing murid semasa menggunakan ABM. Selain itu, institusi pendidikan awal kanak-kanak perlu menyediakan sokongan profesional seperti bengkel pedagogi, latihan pengurusan ABM dan pembangunan kompetensi guru secara berterusan. Dalam konteks bilik darjah pula, guru perlu mengamalkan pendekatan pembelajaran yang lebih kolaboratif dan interaktif agar murid memperoleh peluang meneroka dan menggunakan ABM secara aktif. Situasi ini penting bagi memastikan pengurusan ABM benar-benar membantu meningkatkan perkembangan holistik murid dan bukan sekadar memenuhi keperluan rutin pengajaran.

Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan guru mempunyai keupayaan memimpin penggunaan ABM secara efektif, situasi ini perlu dianalisis secara kritikal kerana kepimpinan guru yang terlalu dominan boleh menyebabkan pembelajaran menjadi terlalu berpusatkan guru. Terdapat kemungkinan guru mengawal penggunaan ABM secara berlebihan sehingga mengehadkan peluang murid meneroka, membuat keputusan dan belajar secara sendiri. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, pendekatan yang terlalu dikawal oleh guru boleh mengurangkan perkembangan kreativiti, autonomi dan kemahiran penyelesaian masalah murid (Copple & Bredekamp, 2009). Selain itu, kepimpinan guru yang efektif tidak seharusnya hanya dinilai berdasarkan kemampuan mengawal kelas dan penggunaan bahan, tetapi turut perlu dilihat daripada sejauh mana guru berjaya mewujudkan pembelajaran yang demokratik, interaktif dan berpusatkan murid. Justeru, pengurusan ABM yang efektif memerlukan keseimbangan antara kawalan guru dan kebebasan murid meneroka pengalaman pembelajaran secara aktif dan bermakna.

Kawalan Penggunaan ABM

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah melaksanakan kawalan penggunaan ABM secara sistematik dengan memberikan perhatian terhadap aspek keselamatan bahan, kesesuaian ABM dengan tahap perkembangan murid, pemantauan penggunaan bahan secara berterusan, pemeriksaan bahan serta penyimpanan ABM secara teratur. Guru didapati memastikan bahan yang digunakan berada dalam keadaan selamat, tidak berbahaya dan sesuai digunakan oleh murid prasekolah sebelum proses PdP dilaksanakan. Selain itu, guru turut

menjalankan pemantauan secara berterusan semasa murid menggunakan ABM bagi memastikan bahan digunakan dengan betul dan terkawal. Penemuan ini menunjukkan bahawa pengurusan ABM dalam pendidikan awal kanak-kanak bukan sekadar tertumpu kepada aspek penggunaan bahan, tetapi turut melibatkan elemen kawalan dan keselamatan bagi memastikan proses pembelajaran berlaku dalam suasana yang kondusif dan selamat.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Morrison (2018) yang menegaskan bahawa keselamatan bahan dan persekitaran pembelajaran merupakan elemen penting dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana murid prasekolah masih berada pada tahap perkembangan yang memerlukan pengawasan rapi. Penemuan ini juga menyokong pandangan Essa dan Burnham (2019) yang menjelaskan bahawa guru prasekolah perlu memastikan bahan pembelajaran berada dalam keadaan selamat, sesuai dengan umur dan mudah dikendalikan oleh murid. Selain itu, kajian Gestwicki (2016) mendapati bahawa pemantauan guru secara berterusan semasa aktiviti pembelajaran berupaya mengurangkan risiko kemalangan dan meningkatkan keberkesanan penggunaan bahan pengajaran dalam bilik darjah. Dalam konteks pengurusan sumber pula, Robbins dan Coulter (2018) menjelaskan bahawa penyimpanan bahan secara sistematik membantu meningkatkan kecekapan pengurusan organisasi dan memudahkan akses terhadap sumber pembelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan beberapa kajian terdahulu yang mendapati sebahagian guru kurang menitikberatkan aspek kawalan penggunaan bahan sehingga menyebabkan berlaku kerosakan ABM dan gangguan semasa proses PdP (Noriati A. Rashid et al., 2017).

Dari sudut teori, dapatan kajian ini mengukuhkan teori pengurusan klasik oleh Fayol (1949) yang menekankan fungsi kawalan sebagai elemen penting dalam memastikan sesuatu organisasi atau aktiviti berjalan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Dalam konteks kajian ini, guru melaksanakan fungsi kawalan melalui pemantauan penggunaan ABM, pemeriksaan bahan dan penyimpanan secara sistematik bagi memastikan PdP berjalan dengan lancar dan selamat. Penemuan ini juga menyokong teori behaviorisme oleh Skinner (1953) yang menjelaskan bahawa kawalan dan pemantauan guru membantu membentuk tingkah laku murid semasa menggunakan bahan pembelajaran. Selain itu, dapatan kajian ini turut memperkukuhkan pendekatan *developmentally appropriate practice* oleh Bredekamp dan Copple (1997) yang menekankan bahawa bahan pembelajaran perlu disesuaikan dengan tahap perkembangan kanak-kanak bagi memastikan proses pembelajaran berlaku secara efektif dan selamat.

Dari aspek praktikal, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru prasekolah perlu diberikan latihan berkaitan pengurusan keselamatan dan kawalan penggunaan ABM dalam bilik darjah. Guru perlu didedahkan kepada prosedur pemeriksaan bahan, pengurusan risiko serta teknik penyimpanan ABM secara sistematik bagi memastikan bahan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan secara berterusan. Selain itu, pihak sekolah dan institusi pendidikan awal kanak-kanak perlu menyediakan ruang penyimpanan yang sesuai, selamat dan mudah diakses bagi membantu guru mengurus ABM dengan lebih efektif. Dalam konteks pedagogi pula, guru perlu memastikan penggunaan ABM disertai dengan pemantauan dan bimbingan yang konsisten agar murid dapat menggunakan bahan pembelajaran secara selamat dan terkawal.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan guru mengamalkan kawalan penggunaan ABM secara sistematik, situasi ini perlu dianalisis secara lebih kritikal kerana kawalan yang terlalu ketat boleh mengehadkan kebebasan murid untuk meneroka dan belajar secara aktif. Dalam pendidikan awal kanak-kanak, pembelajaran melalui penerokaan dan pengalaman langsung merupakan elemen penting dalam perkembangan kognitif dan sosial murid (Piaget, 1970; Vygotsky, 1978). Oleh itu, pendekatan kawalan yang terlalu berorientasikan disiplin dan keselamatan semata-mata boleh menyebabkan PdP menjadi terlalu berpusatkan guru serta mengurangkan peluang murid membina kreativiti dan autonomi pembelajaran. Selain itu, fokus terhadap penyimpanan dan penjagaan bahan secara berlebihan juga boleh menyebabkan guru lebih menitikberatkan aspek pengurusan fizikal ABM berbanding keberkesanan pedagoginya. Justeru, kawalan penggunaan ABM yang efektif memerlukan keseimbangan antara aspek keselamatan, pengurusan bahan dan peluang murid meneroka pengalaman pembelajaran secara aktif dan bermakna.

PENUTUP

Kesimpulannya, pengurusan ABM merupakan elemen penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran guru prasekolah. Kajian ini menunjukkan bahawa guru bukan sahaja berperanan menggunakan ABM sebagai

bahan sokongan pengajaran, tetapi turut merancang, menyelaras, membimbing dan mengawal penggunaan ABM secara sistematik bagi memastikan proses PdP berjalan dengan efektif dan selamat. Pengurusan ABM yang baik membantu meningkatkan penglibatan aktif murid, mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna serta menyokong perkembangan holistik kanak-kanak. Oleh itu, sokongan berterusan daripada pihak sekolah dan institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam aspek latihan, kemudahan dan penyediaan sumber ABM amat penting bagi memperkukuhkan amalan pengurusan ABM dalam kalangan guru prasekolah.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri. (2012). *Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Bodrova, E., & Leong, D. J. (2007). *Tools of the mind: The Vygotskian approach to early childhood education* (2nd ed.). Pearson.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Bredenkamp, S., & Copple, C. (1997). *Developmentally appropriate practice in early childhood programs* (Rev. ed.). National Association for the Education of Young Children.
- Bruner, J. S. (1966). *Toward a theory of instruction*. Harvard University Press.
- Copple, C., & Bredenkamp, S. (2009). *Developmentally appropriate practice in early childhood programs serving children from birth through age 8* (3rd ed.). National Association for the Education of Young Children.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dale, E. (1969). *Audio-visual methods in teaching* (3rd ed.). Holt, Rinehart and Winston.
- Dewey, J. (1938). *Experience and education*. Macmillan.
- Drucker, P. F. (1974). *Management: Tasks, responsibilities, practices*. Harper & Row.
- Elkind, D. (2001). *The hurried child: Growing up too fast too soon* (3rd ed.). Perseus Publishing.
- Essa, E. L., & Burnham, M. M. (2019). *Introduction to early childhood education* (8th ed.). SAGE Publications.
- Fayol, H. (1949). *General and industrial management*. Pitman Publishing.
- Follett, M. P. (1924). *Creative experience*. Longmans, Green and Co.
- Frost, J. L., Wortham, S. C., & Reifel, S. (2012). *Play and child development* (4th ed.). Pearson.
- Gardner, H. (1993). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences* (10th anniversary ed.). Basic Books.
- Gestwicki, C. (2016). *Developmentally appropriate practice: Curriculum and development in early education* (6th ed.). Cengage Learning.
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods*, 18(1), 59–82. <https://doi.org/10.1177/1525822X05279903>
- Hallinger, P. (2011). Leadership for learning: Lessons from 40 years of empirical research. *Journal of Educational Administration*, 49(2), 125–142. <https://doi.org/10.1108/09578231111116699>
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J. D., & Smaldino, S. E. (2002). *Instructional media and technologies for learning* (7th ed.). Merrill Prentice Hall.
- Hirsh-Pasek, K., Golinkoff, R. M., Berk, L. E., & Singer, D. (2009). *A mandate for playful learning in preschool*. Oxford University Press.
- Katzenmeyer, M., & Moller, G. (2013). *Awakening the sleeping giant: Helping teachers develop as leaders* (3rd ed.). Corwin Press.
- Keller, J. M. (1987). Development and use of the ARCS model of instructional design. *Journal of Instructional Development*, 10(3), 2–10. <https://doi.org/10.1007/BF02905780>
- Leithwood, K., & Jantzi, D. (2000). The effects of transformational leadership on student engagement with school. *Journal of Educational Administration*, 38(2), 112–129.
- Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Miller, E., & Almon, J. (2009). *Crisis in the kindergarten: Why children need to play in school*. Alliance for Childhood.

- Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record*, 108(6), 1017–1054. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9620.2006.00684.x>
- Morrison, G. S. (2014). *Early childhood education today* (12th ed.). Pearson.
- Morrison, G. S. (2018). *Fundamentals of early childhood education* (8th ed.). Pearson.
- Muhammad Faizal A. Ghani. (2023). *School leadership in the 21st century*. Penerbit Universiti Malaya.
- NAEYC. (2020). *Developmentally appropriate practice position statement*. National Association for the Education of Young Children.
- Noorazman Abd Samad, Ahmad Rizal Madar, & Nurul Ain Mohd Noor. (2019). Penggunaan alat bantu mengajar dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 45–56.
- Noraini Idris. (2015). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw-Hill Education.
- Noriati A. Rashid. (2017). *Guru dan cabaran semasa pendidikan*. Oxford Fajar.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Piaget, J. (1964). Cognitive development in children: Development and learning. *Journal of Research in Science Teaching*, 2(3), 176–186. <https://doi.org/10.1002/tea.3660020306>
- Piaget, J. (1970). *Science of education and the psychology of the child*. Viking Press.
- Pyle, A., & Danniels, E. (2017). A continuum of play-based learning: The role of the teacher in play-based pedagogy and the fear of hijacking play. *Early Education and Development*, 28(3), 274–289. <https://doi.org/10.1080/10409289.2016.1220771>
- Robbins, S. P., & Coulter, M. (2018). *Management* (14th ed.). Pearson.
- Rosnani Mahmud, & Suhaili Mahmud. (2020). Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran prasekolah di Perak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 9(1), 33–45.
- Shannon, C. E., & Weaver, W. (1949). *The mathematical theory of communication*. University of Illinois Press.
- Skinner, B. F. (1953). *Science and human behavior*. Macmillan.
- Slavin, R. E. (2018). *Educational psychology: Theory and practice* (12th ed.). Pearson.
- Sweller, J. (1988). Cognitive load during problem solving: Effects on learning. *Cognitive Science*, 12(2), 257–285. https://doi.org/10.1207/s15516709cog1202_4
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Wood, E., & Attfield, J. (2005). *Play, learning and the early childhood curriculum* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Worham, S. C. (2006). *Early childhood curriculum: Developmental bases for learning and teaching* (4th ed.). Pearson